



# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM.600-29/4/44 Jld. 2 ( 4 )  
Tarikh : 6 Mei 2026

## SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/  
Puan,*

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 16/2026: PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN JANGKITAN VIRUS NIPAH (NiV) DI MALAYSIA (EDISI KEMASKINI JANUARI 2026)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

#### **1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan garis panduan baharu iaitu **Garis Panduan Pengurusan Jangkitan Virus Nipah (NiV) di Malaysia (Januari 2026)** bagi menggantikan garis panduan terdahulu yang diterbitkan pada tahun 2000.

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1. Jangkitan Virus Nipah (NiV) merupakan penyakit berjangkit zoonotik dengan kadar kematian yang tinggi antara 40% hingga 75%.
- 2.2. Pada 26 Januari 2026, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan dua (2) kes disahkan positif jangkitan NiV melibatkan petugas kesihatan di West Bengal, India.

- 2.3. Walaupun Malaysia telah bebas daripada jangkitan NiV dalam populasi ternakan sejak Jun 2001, risiko "limpahan" (*spillover*) daripada perumah semula jadi, iaitu keluang atau kelawar buah (*Pteropus*) dan ancaman kes import khususnya dari negara berisiko tinggi, memerlukan negara sentiasa bersiap siaga menghadapi ancaman kemunculan semula penyakit ini. Selain itu, perubahan dalam dinamik penularan (*transmission dynamic*), spektrum klinikal dan aspek tadbir urus, khususnya di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), memerlukan garis panduan sedia ada disemak semula dan disesuaikan dengan situasi terkini.

### **3. PINDAAN UTAMA DALAM GARIS PANDUAN**

Pindaan garis panduan edisi 2026 ini melibatkan perubahan strategik dan teknikal bagi memastikan pengurusan kes yang lebih responsif terhadap dinamik penularan semasa.

#### **3.1. Kemaskini Aspek Klinikal dan Definisi Kes**

- 3.1.1. Peluasan kriteria klinikal yang merangkumi kombinasi gejala respiratori akut (seperti *atypical pneumonia* atau ARDS) dan gejala neurologi (*acute encephalitis*).
- 3.1.2. Penekanan kepada pengesanan awal melalui tanda-tanda amaran (*warning signs*) seperti sesak nafas dan perubahan tahap kesedaran.

#### **3.2. Definisi dan Notifikasi Kes**

- 3.2.1. Definisi kes melibatkan kriteria epidemiologi yang lebih luas merangkumi sejarah perjalanan ke negara terjejas dan hubungan atau kontak dengan kes disahkan.

- 3.2.2. Setiap kes yang disyaki dijangkiti NiV hendaklah dinotifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dalam tempoh 24 jam kepada Pejabat Kesihatan berhampiran.

### **3.3. Pengurusan Kes dan Kontak Rapat**

#### **3.3.1. Pengurusan Kes Berfasa:**

- a. Fasa 1 (Kesiapsiagaan): Langkah-langkah pencegahan apabila tiada kes import dilaporkan.
- b. Fasa 2 (Respons): Protokol tindakan segera apabila terdapat laporan kes import dilaporkan di negara lain (luar daripada negara terjejas) atau berlaku penularan tempatan.

- 3.3.2. Pengesanan kontak mengikut definisi kontak dan pemantauan kontak selama 14 hari dari tarikh akhir pendedahan kepada kes

### **3.4. Pengukuhan Tadbir Urus Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)**

- 3.4.1. Menyelaras gerak kerja baharu bersama **Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)**.
- 3.4.2. Pelaksanaan saringan kesihatan bagi pengembara dari negara terjejas dan pemantauan sendiri selama 14 hari.

### **3.5. Pemantapan Protokol Makmal**

- 3.5.1. Ujian pengesanan menggunakan **RT-PCR** dan ujian **Serologi (IgG/IgM)**.

- 3.5.2. Prosedur pengendalian sampel bagi mengurangkan risiko pendedahan kepada petugas makmal memandangkan NiV diklasifikasikan sebagai patogen Kumpulan Risiko 4

### **3.6. Pencegahan dan Kawalan Infeksi (IPC)**

- 3.6.1. Protokol penggunaan Alat Pelindung Diri (PPE) untuk mencegah jangkitan nosokomial (manusia-ke-manusia) di fasiliti kesihatan.

### **3.7. Pengurusan jenazah**

- 3.7.1. Memandangkan NiV telah diklasifikasikan sebagai patogen Kumpulan Risiko 4, protokol pengurusan jenazah turut perelaskan di dalam garis panduan.

## **4. DOKUMEN RUJUKAN**

Garis panduan terperinci adalah merujuk kepada "**Garis Panduan Pengurusan Jangkitan Virus Nipah (NiV) di Malaysia (Januari 2026)**" seperti dilampirkan. Garis Panduan ini juga boleh dicapai di laman sesawang rasmi KKM di dalam "Penerbitan dan Laporan > Dasar/Akta, Polisi & Garis Panduan > Garis Panduan Umum"

## **5. TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini ditandatangani.

## 6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

No tel: 03 – 8883 4412 / 4510/ 4511

E-mel: [zoonosis\\_hgkkm@moh.gov.my](mailto:zoonosis_hgkkm@moh.gov.my)

## 7. PENUTUP


YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengedarkan Surat Pekeliling ini kepada semua fasiliti dan petugas yang bertanggungjawab dalam pengurusan jangkitan NiV. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan NiV adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)**

s.k:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan  
Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti  
Makanan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam, KKM

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

### **A. EDARAN DALAMAN**

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)

Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK)

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri N. Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur &Putrajaya

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

**B. EDARAN LUARAN**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Luar Negeri

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Ketua Pengarah  
Majlis Keselamatan Negara

Ketua Pengarah  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Ketua Pengarah  
Agensi Kawalan Dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS)

Ketua Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

Ketua Pengarah  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara  
Semenanjung Malaysia (PERHILITAN)

Setiausaha Kehormat  
Persatuan Perubatan Malaysia  
(*Malaysian Medical Association*; MMA)

Presiden  
*Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia* (MPCAM)

Presiden  
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Presiden  
*Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia*  
(FPMPAM)

Presiden  
*Association of Private Hospitals of Malaysia*